

**MAJLIS MAKAN MALAM AMAL**  
PIBG, ALUMNI & RAKAN INDUSTRI (MALAR) 2025

*Seribu Kenangan  
Segar Dalam Ingatan*

**BULETIN KVSA**

**JULAI - SEPTEMBER 2025**

**MAJLIS MAKAN MALAM AMAL PIBG, ALUMNI DAN RAKAN INDUSTRI (MALAR) KOLEJ VOKASIONAL SHAH ALAM**

Majlis telah dirasmikan oleh Pn. Hajah Rashida binti Abdul Rani, Ketua Pegawai Eksekutif Raudhah Marketing Supplies Sdn. Bhd. merangkap alumni KV Shah Alam (2001/2002). Kehadiran beliau sebagai perasmis menjadi inspirasi kepada para pelajar dan alumni KVSA.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Ts. Zulkernai bin Fauzi, Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) sebagai tanda sokongan padu terhadap pembangunan pendidikan TVET di Malaysia.



**PERTANDINGAN KEMAHIRAN KOLEJ VOKASIONAL (KV SKILLS) KALI KE-9 PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025**

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) telah menganjurkan Pertandingan Kemahiran Kolej Vokasional (KV Skills) Kali Ke-9 Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 pada 8 - 12 September 2025 di Melaka dan Negeri Sembilan. KVSA telah menghantar tiga orang wakil ke peringkat kebangsaan bagi bidang Additive Manufacturing, IT Network System Administration dan Kimpalan. Peserta KVSA daripada bidang IT Network System Administration berjaya meraih naib johan.



# JULAI





3 JULAI 2025



DEWAN SERI VOKAS, KV KAJANG

**PAMERAN KVSA DI KOLEJ VOKASIONAL KAJANG SEMPENA KARNIVAL TVET INOVASI DAN KERJAYA**



Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pensyarah dan pelajar atas komitmen serta kerjasama padu menjayakan pameran.

Penyertaan program:

- Program Teknologi Kimpalan**  
*Welding Simulator*
- Program Teknologi Pemesinan Industri**  
*CNC Simulator & Projek Inovasi Pelajar*
- Program Teknologi Komputeran**  
*Typing Project*
- Program Teknologi Maklumat**  
*Basic Network Training*



4 JULAI 2025



DEWAN ALAM SARJANA, KV SHAH ALAM

**SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1447H**

"MEMBANGUN UMMAH MADANI"

Penceramah: Ustaz PU Johani bin Ibrahim  
Tajuk: "Minda Madani, Jiwa Rabbani"

**Hijrah bukan sekadar perubahan tempat, tapi perubahan jiwa, minda dan tindakan**





4-6 JULAI 2025



SHAFTBURY SQUARE CYBERJAYA

## Festival Seni Kolej Vokasional FeSKoV 2025

★ TERUKIR DI BINTANG ★

Tahniah diucapkan kepada Qaish Aminnurarif Adiputra yang mewakili Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur kategori solo lelaki di peringkat kebangsaan dan berjaya merangkul tempat ke-5 daripada 12 orang peserta yang bertanding.

Festival Seni Kolej Vokasional FeSKoV 2025 mempertandingkan empat kategori iaitu solo lelaki, solo perempuan, duet dan *battle of the band*.



7 JULAI 2025



DATARAN KUALITI, KV SHAH ALAM

## PROGRAM STI 100<sup>3</sup> & STEM IN 30 SECONDS



Program **STI 100<sup>3</sup> & STEM in 30 Seconds** adalah inisiatif penting yang digerakkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), dengan kerjasama erat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Terdapat dua aktiviti yang dijalankan:

- 🔧 Huzairah bin Hafiy Hazmi (ISVM MPI1) menyampaikan resensi buku "Technology" oleh R. Thomas Wright dalam masa 30 saat, di bawah bimbingan Puan Nik Azlina binti Nik Mahdi dan Puan Jasmit Kaur a/p Jasveer Singh.

- 🚀 Sesi "Fly High with STEM" oleh Puan Hajah Azlina binti Ahamad turut disertai oleh empat orang pelajar yang menerangkan elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik melalui demonstrasi kapal terbang kertas.






11 JULAI 2025



DALAM TALIAN



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada kumpulan Fusion Force yang diketuai oleh Encik Nazir bin Mohd Noor dan 3 orang pelajar KVSA iaitu Nur Hurin Azzadina binti Mohd Hasan Azzahari, Muhammad Farish Imran bin Azizi dan Muhammad Amer Al- Zahin bin Mohd Noorul'aein daripada Program Teknologi Kimpalan yang telah berjaya dan layak ke peringkat akhir **ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2025**.

Kumpulan Fusion Force (Projek Meja Pemotongan Plasma) adalah salah satu kumpulan yang terpilih daripada 67 kumpulan yang bertanding semasa Penilaian Fizikal (Majlis Bandaraya Shah Alam) pada 25 Mei 2025. Fusion Force adalah satu-satunya wakil sekolah yang terpilih dalam kalangan 11 finalis dari Bandaraya Shah Alam.

Tahniah kepada Program Teknologi Kimpalan atas kejayaan ini dan sikap kerjasama untuk menayakan persiapan kumpulan Fusion Force.



8 JULAI 2025



HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KV & SMT 2024 ZON SELANGOR / W.P. KUALA LUMPUR



Kolej Vokasional Shah Alam telah diberi kepercayaan untuk mengelola **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KV & SMT 2024 bagi Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur** dan telah dirasmikan oleh Ts. Zulkernai bin Fauzi, Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional.

Seramai 110 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2024 dari Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur diraikan dalam majlis ini.



Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024.





11 JULAI 2025



SURAU AL-FALAH, KV SHAH ALAM

### **BENGKEL TEKNIK MENJAWAB SEJARAH TAHUN 1 SVM SEMESTER 1 2025**



Bengkel Teknik Menjawab Sejarah telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat penyertaan aktif daripada para pelajar.

Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan panduan kepada pelajar bagi menghadapi peperiksaan dengan lebih yakin dan berkesan.



14 JULAI 2025




SURAU AL-FALAH, KV SHAH ALAM

### **BENGKEL TEKNIK MENJAWAB SAINS TAHUN 1 SVM SEMESTER 1 2025**



Bengkel Teknik Menjawab Sains telah dilaksanakan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai format kertas Pentaksiran Akhir (PA) Sains serta teknik menjawab yang betul untuk mendapat markah yang baik.





10 JULAI 2025



DEWAN ALAM SARJANA, KV SHAH ALAM

## PAMERAN SERUMPUN SENI SEJIWA BUDAYA 2025

Anjuran: Unit Bahasa Melayu

Pameran bertema yang dikendalikan oleh pelajar-pelajar 2SVM Semester 3 bertujuan memenuhi pelaksanaan tugas Pentaksiran Berterusan (PB) yang berkaitan dengan program bahasa.

Tahniah diucapkan kepada pelajar-pelajar 2SVM yang telah menjayakan pameran ini di bawah bimbingan Puan Noorhasilah binti Abdullah Khoshaini, Puan Noor Sheila binti Md Hasim, Puan Nor Ain Shazana binti Ahmad Tarmizi dan Cik Che Nuraini binti Che Puteh.



19 JULAI 2025



CIAST, SHAH ALAM

## MAJLIS PERASMIAN 33rd MALAYSIA PANASONIC TECHNICAL SKILL COMPETITION



Majlis Perasmian 33rd Malaysia Panasonic Technical Skill Competition (MPTSC) anjuran Panasonic Manufacturing (M) Berhad turut dihadiri oleh Encik Mohd Nazri bin Ab Aziz Pengarah Kolej Vokasional Shah Alam.





22-23 JULAI 2025



KV SHAH ALAM

# **PERTANDINGAN KEMAHIRAN KOLEJ VOKASIONAL (KV SKILLS) 2025 ZON SELANGOR/ W.P. KUALA LUMPUR**

BIDANG: KIMPALAN, ADDITIVE MANUFACTURING DAN CNC MILLING



Kolej Vokasional Shah Alam sekali lagi telah menjadi tuan rumah Pertandingan Kemahiran Kolej Vokasional (KV Skills) 2025 peringkat Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur bagi bidang Kimpalan, Additive Manufacturing dan CNC Milling.





26 JULAI 2025



DEWAN ALAM SARJANA, KV SHAH ALAM

**MAJLIS MAKAN MALAM AMAL PIBG,  
RAKAN INDUSTRI & ALUMNI KVSA 2025**

*Seribu Kenangan  
Segar Dalam Ingatan*



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan atas kejayaan penganjuran Majlis Makan Malam Amal yang berlangsung dengan penuh meriah dan bermakna.

Majlis ini bukan sekadar himpunan sosial, tetapi menjadi platform penyatuan antara institusi pendidikan, komuniti industri dan alumni dalam usaha memperkukuh misi pembangunan pelajar secara holistik.

Lebih istimewa, majlis turut diserikan dengan persembahan eksklusif artis jemputan, Aris Ariwatan, yang mengalunkan lagu-lagu penuh kenangan.

Terima kasih kepada semua jemputan dan penyumbang yang menjayakan malam penuh bersejarah ini.

Semoga kerjasama strategik ini terus subur demi masa depan pendidikan TVET yang gemilang.





26 JULAI 2025



DEWAN ALAM SARJANA, KV SHAH ALAM

**MAJLIS MAKAN MALAM AMAL PIBG,  
RAKAN INDUSTRI & ALUMNI KVSA 2025**

*Seribu Kenangan  
Segar Dalam Ingatan*





29 JULAI 2025



KV SEPANG

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
PERTANDINGAN KEMAHIRAN KOLEJ VOKASIONAL (KV SKILLS)  
PERINGKAT ZON SELANGOR/ W.P. KUALA LUMPUR**

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan atas kejayaan semua peserta dan jurulatih Pertandingan KV Skills Peringkat Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur.

**KEPUTUSAN**

**ADDITIVE MANUFACTURING**

Pencapaian: JOHAN  
Peserta: Huzaifah bin Hafiy Azmi

**WELDING TECHNOLOGY**

Pencapaian: JOHAN  
Peserta: Abdul Harazz bin Kamarol-Nizam  
Pencapaian: TEMPAT KETIGA  
Peserta: Muhammad Nur Shafie bin Mohd Zaki

**IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATION**

Pencapaian: JOHAN  
Peserta: Wan Muhammad Izzul Fahmi bin Mohd Hail Izani  
Pencapaian: NAIB JOHAN  
Peserta: Yusrin Yusuf bin Yusmadi

**CNC MILLING**

Pencapaian: NAIB JOHAN  
Peserta: Darwisy Ihtisyam bin Syamsul Amry

**WEB TECHNOLOGY**

Pencapaian: NAIB JOHAN  
Peserta: Muhammad Irfan bin Abdul Halim  
Pencapaian: SAGUHATI  
Peserta: Nur Aqilah Zahira binti Mohd Rizal

**MECHANICAL ENGINEERING (CAD)**

Pencapaian: NAIB JOHAN  
Peserta: Muhammad Zarul Aqashah bin Zukri  
Pencapaian: SAGUHATI  
Peserta: Khairul Hakim Danial bin Mohamad

**PAINTING & DECORATION**

Pencapaian: SAGUHATI  
Peserta: Indra Sulaiman bin Azhar

Untuk makluman semua, **JOHAN** akan mewakili Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur dalam Pertandingan Kemahiran Kolej Vokasional (KV Skills) Peringkat Kebangsaan.





29 JULAI 2025



MICHAEL'S BADMINTON ACADEMY,  
DEWAN BADMINTON MBA, BUKIT PUCHONG

### KEJOHANAN BADMINTON MSSD PETALING PERDANA TAHUN 2025 KATEGORI BEREGU LELAKI BAWAH 18 TAHUN



Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

Muhammad Amir Haikal bin Muhamad Izwan (1Diploma MPI2)  
Wong Kor Ben (1Diploma MPI1)

atas kejayaan mendapat:

Tempat Ketiga dalam Kejohanan Badminton MSSD Petaling Perdana Tahun 2025 kategori Beregu Lelaki Bawah 18 Tahun



31 JULAI 2025



KV SHAH ALAM

### MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS



Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas antara Encik Fadzrul Naim bin Naharudin (FT2) dan Encik Mohd Khalid bin Ismail (FT2).

Encik Fadzrul Naim akan memulakan tugas baharu di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, Kementerian Dalam Negeri berkuat kuasa 21 Julai 2025, manakala jawatan Juruteknik Komputer KVSA akan diambil alih oleh Encik Mohd Khalid.

Selamat bertugas di tempat baharu dan semoga terus cemerlang dalam kerjaya yang diceburi.





30 JULAI 2025



KV SHAH ALAM

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT**

Warga Kolej Vokasional Shah Alam mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi gred DG13 dan DG12.



**Gred DG13**

Puan Nor Rayusnita binti Wahab  
Tarikh kuat kuasa: 1 Ogos 2024



**Gred DG13**

Puan Shamsinar binti Aziz  
Tarikh kuat kuasa: 22 Oktober 2024



**Gred DG12**

Encik Redzwan bin Mat Sah  
Tarikh kuat kuasa: 2 Mei 2024



**Gred DG12**

Puan Ana Sarda binti Jaafar  
Tarikh kuat kuasa: 20 Disember 2024

*Tahniah*

**SEMOGA SENTIASA MENGEKALKAN PRESTASI DAN KECEMERLANGAN DALAM MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI SEORANG PENDIDIK PADA ERA TVET**

# OGOS





1 OGOS 2025



GAPURA PENDETA, KV SHAH ALAM

## WEBINAR KVSAS MERDEKA CULTURAL EXCHANGE 2025

Seramai lima orang pelajar diploma bersama tiga orang guru pembimbing telah menyertai Webinar KVSAS Merdeka Cultural Exchange 2025 yang melibatkan kerjasama antara Hiranokita Junior High School, Jepun dan SMP Pondok Pesantren Fajar Dunia, Indonesia.



Program ini merupakan anjuran Panitia Sejarah Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad, Banting dan turut disertai oleh tujuh kolej vokasional lain iaitu KV Sepang, KV Klang, KV Kuala Klawang, KV Balik Pulau, KV Tanah Merah serta KV Melaka Tengah.



Webinar yang dijalankan secara aktif dan interaktif ini berjaya mempererat hubungan antarabangsa, memperkenalkan kebudayaan Malaysia ke peringkat global serta melahirkan pelajar yang berkeyakinan dan berpengetahuan.



5 OGOS 2025



BILIK TETAMU, KV SHAH ALAM

## PNEBUSAN BAUCAR BUKU GURU MADANI 2025



Terima kasih kepada pihak Karangkrif yang sudi hadir dan membantu pensyarah-pensyarah menebus Baucar Buku Guru MADANI.





4 - 8 OGOS 2025



KV SHAH ALAM



# MINGGU INOVASI 2025

"TVET INOVATIF, GENERASI PROGRESIF"




## KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI

Tarikh : 4 Ogos 2025  
 Tempat : Dewan Alam Sarjana, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Diploma



## BENGGEL PENULISAN PROPOSAL (SIRI 1)

Tarikh : 5 Ogos 2025  
 Tempat : Bilik CAD/CAM Blok J, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Tahun 2 Diploma MPI



## BENGGEL PENULISAN DAN PENERBITAN

Tarikh : 5 Ogos 2025  
 Tempat : Pusat Sumber, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pensyarah yang terlibat



## BENGGEL PENULISAN PROPOSAL (SIRI 2)

Tarikh : 6 Ogos 2025  
 Tempat : Bilik CAD/CAM Blok J, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Tahun 2 Diploma IPD & ISK



## BENGGEL KAJIAN TINDAKAN

Tarikh : 7 Ogos 2025  
 Tempat : Pusat Sumber, KV Shah Alam  
 Sasaran : Peserta pertandingan (Pensyarah)



## BENGGEL PENULISAN PROPOSAL (SIRI 3)

Tarikh : 7 Ogos 2025  
 Tempat : Bilik CAD/CAM Blok J, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Tahun 2 Diploma MTK



4 - 8 OGOS 2025



KV SHAH ALAM



# MINGGU INOVASI 2025

"TVET INOVATIF, GENERASI PROGRESIF"



## FORUM "INTEGRASI KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PDPC TVET"

Tarikh : 8 Ogos 2025  
 Tempat : Dewan Alam Sarjana, KVSA  
 Sasaran : Warga KVSA & Jemputan

Terima kasih kepada panel jemputan iaitu Prof. Dr. Ramlee Mustapha, Prof. Madya Dr. Ridzwan Che Rus dan Ts. Dr. Rahayu Ahamad Bahtiar serta moderator Dr. Hussain bin Ismail atas perkongsian bernas dalam forum "Integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam PdPc TVET."

Penghargaan turut ditujukan kepada semua hadirin, termasuk tetamu dari KV Kajang, KV Sepang, KV ERT Setapak, KV Gombak dan KV Sultan Abdul Samad.

Semoga perkongsian ilmu yang diperoleh dapat menjadi pemangkin kepada TVET Inovatif, Generasi Progresif seperti tema Minggu Inovasi KVSA 2025.



## PERTANDINGAN PITCHING IDEA

Tarikh : 5 Ogos 2025  
 Tempat : Bilik Mesyuarat, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Tahun 2 Diploma



## PERTANDINGAN SPAGHETTI BRIDGE

Tarikh : 6 Ogos 2025  
 Tempat : Makmal Sains, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Tahun 1 Diploma



## PERTANDINGAN ROBOTIK

Tarikh : 6 Ogos 2025  
 Tempat : Bilik Tutorial IPD, KV Shah Alam  
 Sasaran : Pelajar Tahun 2SVM



7 OGOS 2025



BILIK APD, KV SHAH ALAM

# PROGRAM MBMMBI 2025

MEMARTABKAN BAHASA MALAYSIA & MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

## PROSE READING

Sasaran: Pelajar 2SVM Semester 3  
Anjuran: Unit Bahasa Inggeris



19 OGOS 2025



PUSAT SUMBER, KV SHAH ALAM

# PROGRAM MBMMBI 2025

MEMARTABKAN BAHASA MALAYSIA & MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

## WIN, LOSE OR DRAW!

Sasaran: Pelajar Diploma  
Anjuran: Unit Bahasa Inggeris



**HYBRID INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2025  
 INNOVATION DEVELOPMENT THROUGH EDUCATIONAL ACTIVITIES (IDEA'25)  
 MELAKA VOCATIONAL INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION 2025 (MVCIIIC25)**

*Tahniah & Syabas*



Kolej Vokasional Shah Alam terus melakar kejayaan di pentas inovasi peringkat antarabangsa.

Warga KVSA dengan penuh bangga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pelajar dan pensyarah atas kejayaan dalam tiga pertandingan inovasi antarabangsa yang berprestij.

Pencapaian ini membuktikan keupayaan warga KVSA dalam menghasilkan inovasi yang bernilai tinggi dan berimpak global.

Semoga terus maju dan menjadi inspirasi kepada seluruh warga Kolej Vokasional Shah Alam.



9 OGOS 2025



KV SHAH ALAM

## PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA MADANI KVSA 2025

"PIBG & KVSA, TENAGA DISATUKAN KOLEJ DIPERINDAHKAN"



Program Gotong-Royong Perdana MADANI anjuran PIBG Kolej Vokasional Shah Alam telah berlangsung dengan jayanya melibatkan 70 orang wakil ibu bapa dan warga KVSA.

Aktiviti seperti mengecat parkir dan menceriakan persekitaran dilaksanakan dengan semangat kerjasama. Program ini bukan sahaja menceriakan persekitaran kolej, malah menyemai nilai MADANI seperti hormat, ihsan dan tanggungjawab sosial.



9 & 10 OGOS 2025



AEON TAMAN EQUINE, SERI KEMBANGAN



## PAMERAN HARI TERBUKA MADANI PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PETALING PERDANA

Program Teknologi Pemesinan Industri mewakili Kolej Vokasional Shah Alam telah menyertai Hari Terbuka Madani dengan membuka reruai. Terima kasih atas perkongsian ilmu, demonstrasi mesin dan pameran hasil kerja pelajar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pelajar, ibu bapa, guru, rakan industri dan para pengunjung yang hadir.





11 - 14 OGOS 2025



KV SHAH ALAM

## MINGGU GAPURA PENDETA

"LITERASI SEPANJANG HAYAT"



### DOODLE

Tarikh : 11 Ogos 2025  
Sasaran : Terbuka kepada pelajar



### MATH COMPEDIUM GAME

Tarikh : 11 Ogos 2025  
Sasaran : Tahun 2SVM Semester 3



### POSKAD MOTIVASI

Tarikh : 12 Ogos 2025  
Sasaran : Terbuka



### CROSS WORD PUZZLE

Tarikh : 12 Ogos 2025  
Sasaran : Terbuka kepada pelajar



### KALIGRAFI

Tarikh : 13 Ogos 2025  
Sasaran : Warga KVSA & Pengunjung Hari Terbuka



### CHINESE INK RUBBING

Tarikh : 13 Ogos 2025  
Sasaran : Warga KVSA & Pengunjung Hari Terbuka



### CHINESE CAPTEH

Tarikh : 13 Ogos 2025  
Sasaran : Warga KVSA & Pengunjung Hari Terbuka



### TEKA SILANG KATA

Tarikh : 13 Ogos 2025  
Sasaran : Warga KVSA & Pengunjung Hari Terbuka



### SPELLING BEE

Tarikh : 14 Ogos 2025  
Sasaran : Pelajar Diploma



13 OGOS 2025



KV SHAH ALAM

## HARI TERBUKA KVSA 2025



Lebih 1,200 pengunjung memeriahkan Hari Terbuka KVSA yang berlangsung dari 8.00 pagi hingga 3.00 petang melibatkan 25 sekolah menengah, 6 kolej vokasional dan Karangkrif. Antara aktiviti menarik yang diadakan ialah lawatan ke bengkel dan makmal, Pameran Kolej Vokasional, kempen "Saya Benci Buli", gerai jualan dan aktiviti Unit Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab.

Terima kasih atas sokongan semua pihak yang menjayakan Hari Terbuka KVSA. Semoga program ini dapat menggalakkan minat pelajar menceburi bidang TVET.






13 OGOS 2025



KV SHAH ALAM

# HARI TERBUKA KVSA 2025





11 - 15 OGOS 2025



BENGKEL SR, KV SHAH ALAM

**KURSUS KEMAHIRAN KOLEJ VOKASIONAL (KV SKILLS) 2025  
PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI  
BIDANG IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATION**



Kursus kemahiran ini telah menghimpunkan para peserta terbaik dari seluruh Kolej Vokasional di Malaysia dalam bidang IT Network System Administration (ITNSA). Program intensif ini bukan sahaja membekalkan kemahiran teknikal terkini dalam pengurusan rangkaian, konfigurasi sistem, dan keselamatan siber, malah turut menekankan aspek disiplin, kerjasama berpasukan, serta keupayaan menyelesaikan masalah secara kreatif.

Tenaga pengajar bagi kursus ini ialah Mr. Chia Jian Wei, Pakar Negara dalam bidang IT Network System Administration, yang turut berkongsi pengetahuan dan pengalaman luas beliau sepanjang sesi pembelajaran. Semoga ilmu dan pengalaman yang diperolehi menjadi bekalan berharga dalam menyumbang kepada kecemerlangan dunia TVET pada masa hadapan.



15 OGOS 2025




DEWAN ALAM SARJANA, KV SHAH ALAM

**MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN KALI KE-68  
& BULAN BAHASA 2025**

Majlis ini menekankan semangat cinta akan negara dan memartabatkan bahasa kebangsaan yang bertemakan "Bahasa Dihayati, Kemerdekaan Dihargai". Ia juga bertujuan memperkukuh jati diri, semangat kebangsaan serta rasa cintakan negara dalam kalangan warga KVSA.



Semoga semangat kemerdekaan dan cinta terhadap bahasa kebangsaan terus menyala dan menjadi panduan dalam kehidupan seharian setiap rakyat Malaysia.





17 OGOS 2025



IKBN KUALA LANGAT, BANTING

### LAWATAN SEMPENA HARI KERJAYA TVET INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS) ZON TENGAH 2025



Seramai 38 orang pelajar dan 5 orang pensyarah mengikuti lawatan ini. Antara aktiviti menarik yang diadakan ialah temu duga kerjaya, demonstrasi kemahiran, taklimat kerjaya, pertandingan mini golf, pameran reka cipta & inovasi, pemeriksaan kesihatan percuma, servis motosikal dan lain-lain.





20 OGOS 2025



SURAU AL-FALAH, KV SHAH ALAM

### TAKLIMAT CELIK KEWANGAN ASN B PELAJAR 1 DIPLOMA





22 OGOS 2025



KV SHAH ALAM

### LAWATAN TAPAK BAGI PENILAIAN KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM KECERDASAN BUATAN (AI) DI KOLEJ VOKASIONAL DENGAN KERJASAMA TELEKOM MALAYSIA



Terima kasih diucapkan kepada pihak Telekom Malaysia dan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) atas lawatan tapak ke Kolej Vokasional Shah Alam bagi Penilaian Kebolehlaksanaan Program Kecerdasan Buatan (AI). Semoga lawatan ini menjadi pemangkin kepada pendidikan TVET yang lebih inovatif.



27 OGOS 2025



PUSAT SUMBER, KV SHAH ALAM



### PROGRAM JIWA MERDEKA

Program Jiwa Merdeka dianjurkan khusus untuk pelajar bukan Islam daripada Unit Pendidikan Moral sempena Bulan Kebangsaan dan Bulan Bahasa (BKB) 2025, yang berlangsung dari Ogos hingga September. Program ini menampilkan dua aktiviti utama iaitu "Bumiku, Tanggungjawabku" bagi kategori individu dan "Kad Gergasi Merdeka" bagi kategori kumpulan. Aktiviti ini bertujuan menanamkan semangat cinta akan negara, meningkatkan kesedaran tentang kepelbagaian rakyat Malaysia sebagai simbol perpaduan dan identiti negara.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL

KOLEJ VOKASIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KOLEJ VOKASIONAL SHAH ALAM

# Tahniah!

SHARIFAH KHAIRUNNISA BINTI SYED RAHMAD

JOSHUA LIM KAR MIN

MUHAMMAD IRFAN BIN ABDUL HALIM

AMMAR DANISH BIN MOHD REDZA AZHAB

**KOLEJ VOKASIONAL SHAH ALAM**

atas pencapaian

**LAYAK KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) TAHUN 2025 - PERINGKAT AKHIR**

**BIDANG WEB TECHNOLOGY**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA JPK SkillsMalaysia 2.0 worldskills Malaysia

Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) merupakan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang dianjurkan setiap tahun bertujuan memilih dan mengiktiraf belia atau pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul. Bidang *Web Technology* adalah salah satu daripada 33 bidang kemahiran yang dipertandingkan. Bidang ini merangkumi pelbagai kemahiran dan disiplin dalam reka bentuk, pembangunan, pengeluaran dan penyelenggaraan laman web. Bidang ini juga melibatkan pelaksanaan penyelesaian khusus dengan menggunakan peraturan dan objektif yang akan dilaksanakan oleh pembangun web untuk menyediakan keperluan pembangunan web dan menukarnya menjadi tapak web mengikut spesifikasi yang dinyatakan.

Pertandingan peringkat akhir WorldSkills Malaysia 2025/2026 dijadualkan berlangsung pada awal tahun 2026. Semoga semua peserta dari KV Shah Alam dapat menyiapkan diri sebaik mungkin bagi menghadapi cabaran ini.

# SEPTEMBER





3 SEPTEMBER 2025



PUSAT SUMBER, KV SHAH ALAM




# PROGRAM MBMMBI 2025

MEMARTABKAN BAHASA MALAYSIA & MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

## WIN, LOSE OR DRAW!

Sasaran: Pensyarah KVSA



4 SEPTEMBER 2025



PUSAT SUMBER, KV SHAH ALAM




# PROGRAM MBMMBI 2025

MEMARTABKAN BAHASA MALAYSIA & MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

## BALLOON BANG!

Sasaran: Pelajar Diploma  
Anjuran: Unit Bahasa Inggeris KVSA





4 SEPTEMBER 2025



KV SHAH ALAM

## MAJLIS PELEPASAN KONTINJEN KV SKILLS ZON SELANGOR/W.P. KUALA LUMPUR KE PERTANDINGAN KEMAHIRAN KOLEJ VOKASIONAL (KV SKILLS) KEBANGSAAN 2025



Majlis ini disempurnakan oleh Encik Ahmad bin Abd Razak, Pengarah Kolej Vokasional Sungai Buloh merangkap Pengerusi Zon Selangor/W.P. Kuala Lumpur, bersama barisan pengarah zon dan tetamu kehormat. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan kepada kontinjen Zon Selangor/ W.P. Kuala Lumpur yang akan menyertai Pertandingan Kemahiran Kolej Vokasional (KV Skills) ke peringkat kebangsaan 2025.



✨ Semoga semua peserta terus bersemangat dan berjaya mengharumkan nama kolej serta zon di peringkat kebangsaan.



3 SEPTEMBER 2025



KV ERT SETAPAK

## PAMERAN KVSA DI KOLEJ VOKASIONAL ERT SETAPAK SEMPENA KARNIVAL TVET DAN PELANCARAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 KV ERT SETAPAK

Terima kasih kepada Kolej Vokasional ERT Setapak atas jemputan.

Sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua pensyarah dan pelajar yang komited dan memberi kerjasama yang padu bagi menjayakan program pameran pada hari tersebut.

### PROGRAM TEKNOLOGI MAKLUMAT BASIC NETWORK TRAINING



9 SEPTEMBER 2025



BILIK JABATAN IT, KV SHAH ALAM



## PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN PROJEK TAHUN AKHIR 1 BAGI PELAJAR TAHUN 2 PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT





8 SEPTEMBER 2025



KV SHAH ALAM



### EKSPLORASI JEJAK BAHASA

Sasaran: Pelajar 1SVM Semester 2  
Anjuran: Unit Bahasa Melayu



9 SEPTEMBER 2025




PUSAT SUMBER, KV SHAH ALAM



### SAYEMBARA DEKLAMASI PUISI

Sasaran: Pensyarah & Pelajar KVSA  
Anjuran: Unit Bahasa Melayu & MPP KVSA





10 SEPTEMBER 2025



DEWAN ALAM SARJANA, KV SHAH ALAM

## SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN KE-68 & MAJLIS PENUTUPAN BULAN BAHASA 2025



Bertemakan slogan "Bahasa Dihayati Kemerdekaan Dihargai," Bulan Kebangsaan dan Bulan Bahasa telah disambut oleh warga KVSA dengan penuh kemeriahan



13 SEPTEMBER 2025



KV GOMBAK



## MAJLIS PENUTUP BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT ZON SELANGOR/ W.P. KUALA LUMPUR

Syabas dan tahniah kepada para pelajar yang telah berjaya meraih kejayaan dalam Pertandingan Kuiz Kemerdekaan & Pertandingan Melukis Potret Kemerdekaan peringkat Zon Selangor/W.P. Kuala Lumpur 2025.

**Johan Pertandingan Kuiz Kemerdekaan**  
Arissa Damia binti Mohamad Saifulnizam  
(ISVM IPD)

**Naib Johan Pertandingan Melukis Potret**  
Tasneem Maryam binti Fahrezal (1Diploma IPD)



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KVSA 2025

“MEMBANGUN UMMAH MADANI”



Sambutan Maulidur Rasul 1447H / 2025M yang bertemakan “Membangun Ummah Madani” menekankan aspek pembentukan generasi berakhlak, berilmu dan beramal soleh selaras dengan ajaran Rasulullah SAW.

Acara dimulakan dengan perarakan selawat dari Dataran Kualiti ke Dewan Alam Sarjana, diiringi laungan selawat penuh syahdu melambangkan kesatuan dan kecintaan kepada Baginda.

Majlis turut diserikan dengan ceramah perdana oleh Al-Fadhil Ustaz Dato’ Mohd Nizam bin Kamaruzaman, persembahan qasidah “Rindu Madinah” dan bacaan selawat beramai-ramai.

Semoga sambutan ini menyemai kecintaan kepada Rasulullah SAW dan menghidupkan sunnah serta akhlak baginda. 🌸



12 SEPTEMBER 2025



KV PORT DICKSON



Kolej Vokasional Shah Alam merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada saudara Wan Muhammad Izzul Fahmi Bin Mohd Hail Izani, jurulatih Ts. Dr. Eliza Annis Thangaiah, Ts. Azryna Azleen binti Mohd Nordin dan guru pengiring En. Mohamad Nashriq Bin Mohd Azmi kerana berjaya meraih Naib Johan dalam bidang IT Network Systems Administration pada Pertandingan Kemahiran Kolej Vokasional (KV Skills) Peringkat Kebangsaan 2025.

Tahniah juga diucapkan kepada dua orang pelajar yang mewakili KVSA iaitu Huzaifah Bin Hafiy Azmi (Additive Manufacturing), Abdul Harazz Bin Kamarol Nizam (Kimpalan) dan semua jurulatih atas usaha dan semangat juang hingga ke akhir.

Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada semua warga KVSA untuk terus melakar lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

KEPUTUSAN KESELURUHAN: <https://sites.google.com/view/kvskills2025/kebangsaan/keputusan>

Tahniah diucapkan kepada tiga kumpulan daripada Program Teknologi Pemesinan Industri yang telah berjaya melepasi peringkat awal dan terpilih untuk Uji Bakat Junior Innovathon.

Maklumat Uji Bakat:

Tarikh: 9 - 10 September 2025

Lokasi: Auditorium P Ramlee, Wisma Radio, Angkasapuri, KL

Penganjur: Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK)

bersama rakan kolaborasi Kementerian Ekonomi dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)





12 & 13 SEPTEMBER 2025



KV SHAH ALAM

## KEM KEPIMPINAN AJK KOLEJ KEDIAMAN DAN AJK SURAU KVSA 2025

Program Kem Kepimpinan jawatankuasa kolej kediaman dan jawatankuasa surau KVSA 2025 telah berlangsung di My Gopeng, Perak selama dua hari satu malam. Seramai 80 orang pelajar telah menyertai kem ini yang bertujuan membentuk sahsiah dan jati diri kepimpinan dalam kalangan pelajar.



Terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan Kolej Vokasional Shah Alam atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan dalam merealisasikan program ini.



23 SEPTEMBER 2025



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



## PROGRAM DISKUSI DIGITAL @ PNM 2025 SIRI 3 : FORENSIK DIGITAL

Pelajar 1SVM IPD berkesempatan menghadiri program diskusi digital yang bermanfaat oleh dua orang panel yang hebat iaitu Ts. Dr. Fazli Azran dan En. Harisfazillah bin Jamel.





23 SEPTEMBER 2025



BILIK MESYUARAT, KV SHAH ALAM

### KURSUS PEMANDUAN BERHEMAH DAN TATACARA PENGEMASKINIAN BUKU LOG



Kursus Pemanduan BerhemaH & Tatacara Pengemaskinian Buku Log Kenderaan Peringkat Zon Selangor/W.P. Kuala Lumpur telah dilaksanakan dengan jayanya.

Semoga ilmu yang diperoleh dapat diamalkan demi keselamatan dan keberkesanan tugas harian.



24 SEPTEMBER 2025



PERKARANGAN LOBI E8, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, PUTRAJAYA

### PROGRAM BACA PUISI MADANI



Undangan mendeklamasi puisi di Program Baca Puisi Madani yang bertemakan "Nyala Rasa Jiwa Madani" sempena sambutan hari Malaysia, Kementerian Pendidikan tahun 2025.

Tahniah kepada Nurezza Rahmah Binti Mohamad Sopiya (2Diploma MPI2) dan Muhammad Nurmiizan Bin Shohimi (2Diploma MPI2) atas persembahan sajak yang penuh penghayatan.





28 SEPTEMBER 2025



RADIA ARENA, BUKIT JELUTONG

## SAAC-BJWP INTERNATIONAL ARCHERY CHAMPIONSHIP 2025



Kolej Vokasional Shah Alam telah menghantar wakil ke SAAC-BJWP International Archery Championship 2025.

Wakil pelajar yang mengambil bahagian ialah:

1. Ahmad Fawzan Hatim bin Mohd Syukri (2SVM ISK)
2. Indra Sulaiman bin Azhar (2SVM MPI1)
3. Danial Azmil bin Mohd Jailani (1SVM MPI)

Senarai guru pengiring:

1. En. Rafie bin Hassan
2. Ts. Roghdaryanti binti Hashim
3. En. Imran Haziq bin Hasan Abrar



Penyertaan ini menjadi wadah untuk memupuk semangat kesukanan, fokus dan disiplin di kalangan peserta pertandingan.



30 SEPTEMBER 2025



ATAS TALIAN



## PODCAST KV SHAH ALAM BERSAMA SMK IDN BOARDING SCHOOL, BOGOR INDONESIA

Tahniah diucapkan kepada moderator dan ahli panel atas kejayaan penganjuran Podcast Antarabangsa Kolej Vokasional Shah Alam bersama SMK IDN Boarding School, Bogor, Indonesia.

Program yang julung kali dianjurkan oleh Unit Pengantarabangsaan ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga kolej dan rakan institusi antarabangsa.



# KRU

# PENERBITAN

## **KETUA EDITOR**

Ts. Dr. Eliza Annis a/p Thangaiah

## **EDITOR**

Pn. Noor Sheila binti Md Hasim  
Pn. Nor Rayusnita binti Wahab  
Pn. Jasmit Kaur a/p Jasveer Singh

## **BAHAN DAN MAKLUMAT**

Pn. Nurul Syazleen binti Saleh  
Pn. Nor Rayusnita binti Wahab  
Puan Nur Sabiha binti Roseli  
Pn. Nur Hazwani Izzati binti Abdul Halim  
Pn. Siti Normania binti Asmadi  
Pn. Siti Zulaiha binti Basiran  
Pn. Maisarah Hajar Aisyah binti Esa

## **JURUFOTO**

En. Muhammad Khairul Hadi bin Ismail  
Pn. Ashley Lee Pui Leng  
En. Muhammad Farhan bin Ismail  
En. Syamsul Bahri bin Ramali  
Pelajar-pelajar fotografi

## **REKALETAK DAN GRAFIK**

Pn. Nurul Syazleen binti Saleh



<https://linktr.ee/KVSA>

<https://www.facebook.com/kvsaofficial/>

<https://www.instagram.com/kvshahalam.official/>

<http://kvsa.moe.edu.my/>

<https://www.tiktok.com/@kvshahalam>



03-51916326



03-51916325